

**ASAS KEUSAHAWANAN  
ETR 300**

**SESSI MEI - OKTOBER 1997**

**DI SEDIAKAN UNTUK :**

**PUSAT LATIHAN KEUSAHAWANAN  
MEDEC**

**DI SEDIAKAN OLEH :**

**MUHAMMAD FAUZI BIN OMAR  
MUHAMMAD SHUHAIMI BIN ABU BAKAR  
MUHAMMAD ISHAM BIN ISMAIL  
NAZARUHISHAM BIN NAZARUDIN  
NOOR AZHAR BIN ZAINUDDIN**

**20 SEPTEMBER 1997**

**SERAMIK EDAR ENTERPRISE**

**Diploma Pentadbiran Awam**

**Bahagian 05**

**Institut Teknologi Mara**

**Kampus Cawangan Melaka**

**78000 Alor Gajah**

**Melaka**

**23 Julai 1997**

**Dr. Yusof Hashim**

**Koordinator Asas Keusahawanan ( ETR 300 )**

**Institut Teknologi Mara**

**Kampus Melaka**

**78000 Alor Gajah**

**Melaka**

**Tuan,**

## **SERAMIK EDAR ENTERPRISE**

### **LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Merujuk kepada perkara di atas, di sini kami mengemukakan Laporan Rancangan Perniagaan seperti yang telah diarahkan mengikut prosidur yang telah ditetapkan.

Matlamat utama laporan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar dengan lebih dekat lagi dalam dunia perniagaan yang semakin mencabar di kala ini. Ini kerana setiap perniagaan yang dijalankan adalah bermula dari teknik-teknik asas dan laporan ini merupakan sebahagian daripadanya.


Kami telah berusaha sedaya upaya kami dalam menyiapkan kertas kerja ini mengikut kemampuan kami dan berharap ianya dapat memenuhi segala keperluan Tuan dan menepati kehendak matapelajaran Asas Keusahawanan ( ETR 300 ).

Akhir sekali kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Tuan di atas segala panduan, nasihat dan tunjuk ajar yang dihulurkan sehingga terhasilnya Rancangan Perniagaan ini.


Sekian, terima kasih.

SERAMIK EDAR ENTERPRISE


Yang benar,




( MUHAMMAD FAUZI BIN OMAR )




( MUHAMMAD SHUHAIMI BIN ABU BAKAR )



( MUHAMMAD ISHAM BIN ISMAIL )



( NAZARUHISHAM BIN NAZARUDIN )



( NOOR AZHAR BIN ZAINUDDIN )

## 1. PENGENALAN.

Perniagaan atau dunia Keusahawanan adalah satu kegiatan ekonomi yang menentukan sifat ketabahan, kegigihan dan kesungguhan dalam menjayakan sesuatu projek. Selain dari keyakinan diri dan semangat yang tinggi, seseorang itu haruslah bersikap inovatif, inisiatif dan peka terhadap perkembangan dunia perniagaan yang semakin kompetitif.

Perniagaan juga adalah suatu pendekatan yang teratur digunakan oleh seseorang individu bagi tujuan menghasilkan barangan dan perkhidmatan kepada orang ramai. Namun demikian, ia bertujuan untuk mendapatkan keuntungan dan keredhaan Allah. Ia juga meningkatkan taraf hidup masyarakat dari masa ke semasa.

Justeru itu, bertepatan dengan impian kerajaan untuk melihat lebih ramai penglibatan bumiputera dalam dunia perniagaan, maka dengan itu kami mengambil inisiatif untuk menceburi bidang yang mencabar ini melalui penubuhan SERAMIK EDAR ENTERPRISE.

Kami yakin dengan penubuhan syarikat ini maka dapat menambahkan lagi bilangan usahawan muda bumiputera yang menceburkan diri di dalam pengedaran seramik. Di samping itu juga, kami yakin perniagaan ini dapat menghasilkan keuntungan yang menggalakkan berdasarkan kepada penyelidikan kami dalam pelbagai aspek terutamanya dari aspek pemasaran.